



12 MAY, 2025

Yakult pupuk kesedaran kepentingan menjaga kesihatan usus

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Yakult pupuk kesedaran kepentingan menjaga kesihatan usus

Oleh NOR AINNA HAMZAH

PORT DICKSON – Yakult (Malaysia) Sdn. Bhd. telah bekerjasama dengan Hospital UCSI, Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Cawangan Port Dickson untuk menganjurkan program berorientasikan komuniti bertajuk Usus Sihat. Anda Hebat!

Pengarah Bersekutu Jabatan Perhubungan Awam dan Sains, Yakult Malaysia, Mazlyn Mena berkata, program yang diadakan bersempena Hari Kesihatan Penghadaman Sedunia yang disambut pada bulan Mei setiap tahun itu juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kesihatan sistem penghadaman, hubungannya dengan kesihatan mental, serta kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat.

"Kira-kira 150 pengunjung yang terdiri daripada penduduk di kawasan Seremban dan Port Dickson serta kakitangan daripada sektor awam, swasta, pelajar dan juga organisasi bukan kerajaan hadir dalam majlis ilmu tersebut,"



KANAK-KANAK menyertai pertandingan melukis bersempena Program Usus Sihat, Anda Hebat! di Port Dickson baru-baru ini.

katanya pada majlis pelancaran program tersebut di sini baru-baru ini.

Selain itu, Pegawai Perhubungan Awam dan Sains Yakult, Liew Wan Hui menerangkan, antara pengisian program adalah ceramah kesihatan oleh pakar perubatan mengenai kesejahteraan umum, pemakanan dan probiotik untuk kesihatan usus.

Menurutnya, pameran

kesedaran kesihatan itu memberi pendedahan tentang kesihatan usus, kesihatan mental, probiotik, dan kesejahteraan keseluruhan,

"Kami juga mendedahkan pengunjung mengenai Perkhidmatan Penghantaran Yakult dari rumah ke rumah dan juga menganjurkan sesi senaman 'Ba Duan Jin' yang diketuai oleh Master Ng Chee Seong dari Stesen Kesihatan Qigong ZIZAI FANG Seremban," ujarnya.



12 MAY, 2025

Yakult pupuk kesedaran kepentingan menjaga kesihatan usus

Kosmo, Malaysia



SUMMARIES

Oleh NOR AINNA HAMZAH PORT DICKSON - Yakult (Malaysia) Sdn. Bhd. telah bekerjasama dengan Hospital UCSI, Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Cawangan Port Dickson untuk menganjurkan program berorientasikan komuniti bertajuk Usus Sihat.